

'Datuk Seri' antara lima suspek sindiket pengedaran dadah ditangkap

# Syabu RM5 juta dirampas

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**PETALING JAYA** – Polis berjaya merampas dadah jenis syabu seberat kira-kira 120 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM5 juta dalam satu serbuan di tempat letak kenderaan di belakang pusat beli-belah South City Plaza, Serdang kelmarin.

Hasil serbuan pukul 5.30 petang itu telah membawa kepada tangkapan lima suspek termasuk dalam sindiket pengedaran dadah iaitu seorang lelaki bergelar Datuk Seri di lokasi tersebut.

Satu sumber berkata, lelaki yang mendakwa dirinya Datuk Seri berusia 31 tahun itu adalah suami kepada usahawan kosmetik di Pantai Timur.

"Selain Datuk Seri, polis menahan empat suspek termasuk seorang lelaki warga Indonesia yang dipercayai ahli sindiket (pengedaran dadah).

"Turut dirampas dalam serbuan sama, sebuah kereta mewah jenis Ford Mustang, sebuah Nissan Almera dan sebuah kendaraan pelbagai guna jenis Toyota Innova yang dipercayai ada kaitan dengan kegiatan haram tersebut," katanya kepada Kosmo! semalam.

Sumber itu berkata, dadah jenis syabu dalam bungkusannya teh itu dirampas di dalam kereta Ford Mustang yang dinaiki Da-



RAZARUDIN

tuk Seri terbabit sebelum polis melakukan pemeriksaan di pejabatnya di kawasan sama.

Katanya, syabu seberat kira-kira 120 kg itu dipercayai dibawa dari Pantai Timur untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Rampasan dan tangkapan itu adalah kejayaan terbesar bagi Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Razali Abu Samah yang baru menyandang jawatan itu pada 28 Oktober lalu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Razarudin Husain ketika dihubungi Kosmo! mengesahkan serbuan dan tangkapan tersebut.

Difahamkan, satu sidang akh-



INILAH lokasi polis merampas syabu bernilai RM5 juta serta menahan lima suspek termasuk 'Datuk Seri' di tempat letak kenderaan di belakang pusat beli-belah South City Plaza, Serdang kelmarin.

bar berhubung kejayaan tersebut akan dibuat oleh Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Ja-maluddin dalam masa terdekat.

Dadah jenis syabu juga dikenali sebagai methamphetamine, manakala syabu paling berkualiti berwarna putih kristal.

**Kes Datuk Seri,  
Datuk terlibat kes dadah**

• **16 Jun 2020:**  
Seorang lelaki bergelar Datuk Seri yang menjadi dalang sindiket pengedaran dadah ditahan bersama 10.5 kg dadah jenis syabu bernilai RM420,000 dalam serbuan di Taman Seri Gombak, Batu Caves, Selangor

• **27 April 2020:**  
Seorang individu bergelar Datuk antara 12 suspek ditangkap di sekitar Kota Tinggi, Johor kerana disyaki terlibat dalam sindiket penyeludupan dadah ke negara jiran

• **2 April 2018:**  
Seorang ketua bahagian sebuah parti politik didapati positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine selepas ditahan dalam satu serbuan di sebuah pusat hiburan di Jalan Imbi, Kuala Lumpur



CONTOH dadah jenis syabu.